

23/06/1998

Guna MT untuk selesai masalah

KUALA LUMPUR, Isnin - Menyelesaikan masalah menggunakan saluran Majlis Tertinggi (MT) mampu melahirkan rumusan yang lebih kukuh apabila sebarang keputusan dibuat.

Ahli Majlis Tertinggi (MT), Datuk Abdul Ghani Othman, berkata musyawarah di kalangan anggota MT akan melahirkan pandangan yang lebih padat sebelum dikemukakan kepada umum.

Beliau yang juga Menteri Besar Johor berkata, MT menyediakan platform yang paling tepat dan bijak bagi parti untuk berbincang dan menyelesaikan sebarang masalah rakyat, parti dan negara.

"Ahli MT dipilih oleh anggota Umno di peringkat bahagian. Bersama-sama rakan lain, kita bertukar-tukar pandangan dan menerusi pertukaran pendapat itu ia akan melahirkan satu kekuatan sebelum dikemukakan kepada umum," katanya di sini, hari ini.

Beliau mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang meminta pemimpin Umno menggunakan sepenuhnya MT sebagai saluran menyelesaikan masalah berkaitan kepentingan dan keselamatan parti, bangsa dan negara.

Presiden Umno itu menegaskan, MT mesti digunakan untuk membahar atau membangkitkan apa juga isu dan rasa tidak puas hati terutama yang "tidak manis didengar" di luar dan yang boleh menjejaskan perpaduan.

Abdul Ghani juga tidak menganggap perbincangan menggunakan saluran parti akan menjejaskan demokrasi kerana MT menyediakan ruang kepada anggotanya untuk melahirkan pandangan yang berbeza dalam suasana musyawarah.

Mengenai masa depan Pergerakan Pemuda Umno yang ditegur Presiden parti kerana membangkitkan isu di luar MT, Abdul Ghani berkata, idealisme dan perjuangan pemuda tidak sepatutnya tergugat berikutan perkara itu.

"Pengalaman Pemuda dalam soal ini ada hikmahnya. Saya berpendapat perjuangan dan idealisme Pemuda membela kepentingan rakyat dan memperjuangkan kebenaran perlu terus diperkukuhkan," katanya.

(END)